

TANAH: ARAHAN MAHAATHIR

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengarahkan semua Menteri Besar, Ketua Menteri dan Ahli-ahli Exco berhenti dari menerima atau memberi tanah atas pertimbangan politik.

Perdana Menteri hanya membenarkan mereka memohon tanah untuk tapak rumah.

Seorang Menteri Besar memberitahu hari ini, Perdana Menteri juga meminta mereka memberitahu beliau terlebih dulu tanah-tanah yang dipohon.

Bagaimanapun, kata beliau, Datuk Seri Dr. Mahathir tidak menjelaskan lebih lanjut sama ada mereka dan Ahli-ahli Exco yang telah memiliki harta,

khususnya tanah boleh meminta lagi untuk tujuan lain.

Difahamkan, arahan ini juga meliputi Menteri-menteri dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Bagaimanapun, menteri-menteri difahamkan layak mendapat tanah (sama ada Kerajaan Pusat atau Negeri) untuk tujuan membina rumah.

Menteri-menteri dan

bekas menteri juga difahamkan merebut peluang mendapatkan tanah, meskipun mereka telah memiliki rumah.

Bagaimanapun, sekurang-kurangnya seorang Menteri memulangkan tanah yang diberi kerajaan apabila Menteri itu layak mendapat pinjaman membeli rumah.

Salahguna

Disebabkan peraturan ini belum ada 'hitam putihnya' kemungkinan perkara ini boleh disalahgunakan.

Tanah yang diterima itu sepatutnya digunakan untuk mendirikan rumah, tapi kemungkinan mereka akan menjualnya untuk mendapat keuntungan lebih.

Sebagai contoh, tanah yang ditawarkan di kawasan perumahan mewah Bukit Kenny hanya \$5 seekar. Dan tidak mustahil jika tanah itu dijual kepada orang lain.

Beberapa tempat lain yang diberi pilihan ialah di Sekayen 16, Petaling Jaya dan di kawasan Ampang/Pekeliling yang terdapat pejabat-kejabat kedutaan luar negeri.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri	2800
No. Peherimahan	545/85